# KISAH KEJAYAAN SUKU TAHUN PERTAMA 2017 PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KG ULU SEPERI

**Types of Success Story** *(please tick (√) one)*

- ☑ Keusahawanan
- ☐ Celik ICT / Komuniti Pintar

**Service Provider** *(please tick (√) one)*

- ☑ Telekom Malaysia (TM)
- ☐ Celcom
- ☐ Maxis
- ☐ Digi
- ☐ Packet 1 (P1)
- ☐ Time
- ☐ Redtone
- ☐ Danawa

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|
| Maklumat PI1M | (see below) |
| Lokasi | (see below) |

**Maklumat PI1M**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Nama PI1M** | *PI1M KG ULU SEPERI* | | |
| **Nama Pengurus** | *NUR FARAZIAH BINTI MD JAMIL* | **No. Telefon** | *012-9805760* |
| **Nama Penolong Pengurus** | *NURFAIZZIN BINTI MUSA* | **No. Telefon** | *013-6127674* |
| **Email** | *uluspri@pi1m.com.my* | | |

**Lokasi**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Daerah** | *JELEBU* | **DUN** | *CHENNAH* |
| **Mukim** | *GELAMI LEMI* | **Parlimen** | *P.126-JELEBU* |
| **Negeri** | *NEGERI SEMBILAN* | | |

PI1M ULU SEPRI

<table>
<tr><th>ITEM JENIS</th><th>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td>Maklumat Individu/ Organisasi</td><td>
<table>
<tr><td>Nama</td><td>RAPIDAH BINTI BERAHIM</td><td>Umur</td><td>TAHUN</td></tr>
<tr><td>Email</td><td>rapidahberahim@yahoo.com</td><td>No. Telefon</td><td>017-6746101</td></tr>
<tr><td>Alamat</td><td>KAMPUNG SARIN, 71600 KUALA KLAWANG JELEBU NEGERI SEMBILAN</td><td>Tahun menjadi Ahli PI1M</td><td>1 FEBRUARI 2016</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Bentuk perniagaan</td><td>Usahawan yang mengusahakan kedai makan Warung Mak Lang</td></tr>
<tr><td>Kisah kejayaan</td><td>
<u>Latar belakang</u><br><br>
Peluang untuk memiliki perniagaan sendiri sememangnya impian bagi setiap individu yang bergelar usahawan. Usahawan yang memiliki perniagaan sendiri bebas memainkan peranan dalam usaha untuk mencapai matlamat peribadi. Untuk mencapai matlamat yang diimpikan seorang usahawan harus menggunakan semua potensi, kemahiran dan keterampilan yang dimiliki untuk menghadapi sebarang halangan dan rintangan untuk mencapai hasratnya. Justeru itu, untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya seseorang usahawan itu harus memiliki ilmu pengetahuan mengenai kemahiran keusahawanan.<br><br>
Saya mula mengetahui kewujudan Pusat Internet 1Malaysia ini apabila saya menjadi ahli Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Hal ini demikian kerana, mesyuarat AIM akan diadakan pada setiap hari rabu pada setiap minggu di Balairaya Kg Ulu Sepri iaitu bersebelahan dengan Pusat Internet 1Malaysia Ulu Sepri. Sebelum mesyuarat bermula, saya perlu menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan perniagaan saya. Oleh hal yang demikian, saya akan berkunjung ke Pusat Internet 1Malaysia terlebih dahulu sebelum mesyuarat bermula iaitu untuk menggunakan perkhidmatan fotostat dan juga cetakan komputer.<br><br>
Setelah beberapa kali berkunjung ke Pusat Internet 1Malaysia Ulu Sepri ini, saya berasa amat selesa dengan keadaan persekitaran yang mendamaikan dan petugas yang mesra dalam memberi layanan kepada pelanggan yang berkunjung. Oleh itu, saya mengambil keputusan untuk menjadi ahli Pusat Internet 1Malaysia. Saya mula menjadi ahli pada 1 Februari 2016.
</td></tr>
</table>

PI1M ULU SEPRI

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|
| | *Sebelum saya mengusahakan kedai makan Warung Mak Lang ini, saya merupakan seorang suri rumah tangga sepenuh masa. Saya mengambil keputusan untuk membuka kedai makan ini atas dorongan suami dan anak-anak.*<br><br>**Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M**<br><br>*Setelah berkunjung ke Pusat Internet 1Malaysia Ulu Sepri dan mendaftar sebagai ahli saya mendapati petugas di sini dapat membantu saya dalam meningkatkan kemahiran keusahawanan saya. Hal ini demikian kerana, petugas disini memaklumkan kepada saya bahawa Pusat Internet 1Malaysia mengadakan kelas kemahiran keusahawanan secara percuma kepada ahli yang telah berdaftar.*<br><br>*Selain itu, saya juga turut berminat untuk mempelajari mengenai penggunaan komputer dan internet atau dalam kata lain untuk belajar mengenai ilmu yang berkaitan dengan teknologi maklumat bagi memudahkan saya untuk mempromosikan warung saya di media sosial. Hal ini demikian kerana, dengan adanya ilmu mengenai cara-cara pemasaran dan cara-cara promosi yang betul akan menarik lebih ramai pelanggan datang ke Warung Mak Lang. Secara tidak langsung ini akan membantu meningkatkan hasil jualan saya pada setiap hari.*<br><br>**Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M**<br><br>*Setelah mengikuti beberapa siri kelas kemahiran keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak Pusat Internet 1Malaysia, kini saya lebih berkeyakinan dan bersemangat untuk meneruskan perniagaan Warung Mak Lang. Selain itu, saya juga mendapati bahawa pengetahuan saya terhadap komputer dan teknologi maklumat semakin baik. Lantaran kekangan masa dan tugas sebagai seorang peniaga, saya tetap mendapatkan khidmat nasihat daripada petugas Pusat Internet 1Malaysia melalui aplikasi Whatsapp walaupun jarang berkunjung ke sini.*<br><br>*Dengan pengetahuan tambahan yang saya dapat melalui kelas keusahawanan, saya kini boleh berdikari sendiri di rumah dengan menggunakan komputer riba saya. Selain itu, kini saya juga boleh mempromosikan Warung Mak Lang di Facebook saya sendiri. Saya juga diajar oleh petugas Pusat Internet 1Malaysia untuk membuat iklan/promosi di Facebook Page Anak-anak Jelebu. Hal ini demikian kerana, penduduk setempat dapat mengetahui tentang kewujudan Warung Mak Lang ini. Hasil jualan sebelum melakukan promosi di media sosial adalah tidak begitu memberangsangkan dan kurang mendapat sambutan daripada orang ramai. Namun demikian, dengan adanya* |

PI1M ULU SEPRI

<table>
<tr><th>ITEM JENIS</th><th>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td></td><td>promosi di media sosial ini saya lebih mudah untuk mengiklankan perniagaan saya iaitu seperti memperkenalkan menu baru. Secara tidak langsung, hasil jualan meningkat dengan agak mendadak iaitu boleh mencecah RM600.00 sehari.</td></tr>
<tr><td>Penggunaan PI1M</td><td><u>Apa yang dipelajari melalui PI1M</u><br><br>
- Dapat meningkatkan kemahiran keusahawanan<br>
- Pemasaran dalam talian<br>
- Latihan Asas Media Baru<br>
- Mempelajari cara membuat pemasaran online melalui facebook<br>
- Strategi pencarian pelanggan yang berpotensi<br>
- Strategi membuat “posting” status, cara-cara penggunaan photo editor seperti Photoscape, Microsoft Publisher 2010 dan Paint.<br><br>
<u>Bagaimana PI1M membantu perkembangan perniagaan/ peningkatan tahap kemahiran ICT</u><br><br>
- PI1M membantu mempromosikan kedai makan Warung Mak Lang dengan menggunakan laman sosial seperti facebook<br>
- Memberi kelas tambahan dengan kerap lagi terutama cara pemasaran yang lebih menarik lagi.<br>
- Kedai makan Warung Mak Lang lebih dikenali selepas membuat promosi di facebook page.<br>
- Pi1M membantu mempromosikan kedai makan Warung Mak Lang dengan mempromosikan di facebook page Menarik Di Jelebu</td></tr>
<tr><td>Online Platform</td><td>
<table>
<tr><td>Laman Web</td><td>-</td><td>Blog</td><td>-</td></tr>
<tr><td>FB</td><td>Rapidah Berahim</td><td>Instagram</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Whatsapp</td><td>010-5241779</td><td></td><td></td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

PI1M ULU SEPRI

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|
| **Gambar & Keterangan** | i) Bengkel Latihan ICT/ Keusahawan yang dihadiri |




Caption : Antara kelas kemahiran keusahawanan yang disertai oleh peserta

ii) Produk / Hasil Transformasi







Caption : Antara menu yang terdapat di kedai makan Warung Mak Lang

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td></td><td>

iii) Promosi di Media Sosial







Caption :Di antara iklan promosi yang diupload di page facebook

</td></tr>
<tr><td>Maklumbalas</td><td>

***Maklumbalas terhadap latihan dan bantuan yang diberikan oleh pihak PI1M***
*Pengurus/ Penolong Pengurus Pi1M banyak membantu dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ICT. Bimbingan mengenai keusahawanan tersebut perlu ditingkatkan dan aktiviti promosi perlu lebih giat lagi. Dengan adanya bantuan dan tunjuk ajar yang berterusan daripada pihak Pusat Internet 1Malaysia Ulu Sepri ini, saya berharap kedai makan Warung Mak Lang akan terus maju dan kukuh pada masa akan datang.*

</td></tr>
</table>